

01 APR 1996

Lanka-LTTE (Dengan Gambar)

BANTU KAMI HENTIKAN KEGANASAN, SRI LANKA RAYU KERAJAAN ASING

Oleh: Azman Ujang

COLOMBO, 1 April (Bernama) -- Sri Lanka merayu kerajaan-kerajaan asing membantunya menghentikan keganasan dalam negara ini yang menurutnya mendapat pembiayaan daripada rakyat Sri Lanka keturunan Tamil yang tinggal di negara-negara lain.

Memandangkan negara itu sedang menghadapi kempen-kempen keganasan yang kian berleluasa terutama di kawasan bandar termasuk ibu negara ini, Menteri Luar Sri Lanka, Lakshman Kadirgamar berkata negara-negara seperti di Amerika Utara, Eropah, Scandinavia dan Australia mempunyai ramai Tamil Sri Lanka yang mengendalikan "barisan hadapan" bagi Pertubuhan Pembebasan Tamil Eelam (LTTE), yang sejak tahun 80-an menuntut pemisahan untuk rakyat minoriti Tamil secara ketenteraan.

"Adalah diketahui mereka ini menghantar sejumlah wang yang banyak kepada LTTE. Sebahagian daripada wang ini untuk keluarga mereka di Sri Lanka dan kami tahu keluarga mereka terpaksa memberi sumbangan kepada LTTE selain daripada sumbangan terus kepada LTTE," beliau memberitahu Bernama dalam satu pertemuan di kediamannya di sini yang dikawal ketat.

Kawalan keselamatan yang rapi di kediaman Kadirgamar di pinggir bandaraya ini -- cukup dengan kubu beg-beg pasir dan kawalan dari menara -- diadakan di kala negara ini masih belum pulih dengan peristiwa pengeboman di Bangunan Bank Pusat di sini pada 31 Jan yang mengorbankan lebih dari 80 orang dan mencederakan lebih 1,000 lagi.

Kadirgamar, yang juga seorang keturunan Tamil dan seorang peguam yang berjaya sebelum menyertai kabinet dalam tahun 1994, berkata barisan hadapan LTTE di beberapa negara asing sekarang turut menggunakan Internet merayu bantuan wang secara terbuka untuk membeli peluru berpandu.

"Kami telah dapat mengesan iklan yang sedemikian baru-baru ini dan juga selindung yang dibuat meminta bantuan wang dihantar untuk pemulihan mangsa-mangsa pertempuran di Timur-Utara negara itu yang menggunakan nama Jawatankuasa Antarabangsa Pertubuhan Palang Merah dan bukan dhantar terus kepada LTTE," kata beliau.

Kadirgamar juga berkata bantuan wang turut dikutip untuk LTTE di Malaysia dan kerajaan Sri Lanka "menghargai sepenuhnya" usaha-usaha kerajaan Malaysia yang mengambil tindakan untuk menghentikan kegiatan ini.

"Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah yang tepat dan berani dan kami sungguh menghargainya kerana tidak membenarkan tunjuk perasaan pro-LTTE diadakan," kata beliau berhubung dengan kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datu Megat Junid Megat Ayob baru-baru ini yang Malaysia telah mengharamkan tunjuk perasaan seperti itu dan tindakan akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Menteri luar itu berkata Presiden Sri Lanka Chandrika Bandaranaike Kumaratunga baru-baru ini mengirim perutusan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pendirian Malaysia ini dan beliau sendiri telah mengirimkan perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Pegawai-pegawai kementerian luar negara Sri Lanka berkata Malaysia ialah satu-satunya negara selain India yang mengharamkan gerakan LTTE di negara masing-masing.

Kadirgamar juga bercakap mengenai tawaran perdamaian kerajaan Sri Lanka -- yang kini hangat dibincangkan di Parlimen yang mengandungi pindaan perlembagaan yang meluas -- ke arah penyelesaian konflik berdarah itu yang telah mengorbankan anggaran 50,000 nyawa.

Pakej perdamaian itu, yang menekankan perkongsian kuasa dengan kaum minoriti Tamil di wilayah-wilayah yang dilanda peperangan, berpusat kepada pengwujudan beberapa wilayah autonomi dengan kuasa perundangan dan eksekutif, termasuk kuasa ke atas tanah and polis.

Tawaran perdamaian itu yang dibuat oleh Kumaratunga apabila beliau dilantik pada 1994, telah disifatkan sebagai langkah tulen dan ikhlas yang pertama pernah dibuat oleh sesebuah kerajaan Sri Lanka ke arah penyelesaian melalau rundingan konflik itu, dengan Kumaratunga sendiri beberapa kali mengulangi bahawa ianya tidak dapat diselesaikan melalui cara ketenteraan semata-mata.

Kadirgamar berkata, Colombo menangani konflik itu melalui kaedah politik dan ketenteraan, tetapi dengan LTTE menolak semua usaha ke arah perdamaian setakat ini, perdamaian masih jauh daripada tercapai.

Tetapi katanya, konflik perkauman memang merupakan satu perkara yang kompleks and tidak mungkin diselesaikan hanya dalam beberapa tahun sahaja, sambil memberi contoh konflik di Ireland Utara (yang telah berlangsung selama 40 hingga 50 tahun) dan di Timur Tengah.

Katanya, tanda-tanda kekalahan LTTE dari sudut ketenteraan mulai ketara dengan pasukan keselamatan kerajaan baru-baru ini menawan semula bandaraya Jaffna di bahagian Utara dan operasi setiap hari ditingkatkan di wilayah Utara dan Timur.

" LTTE mendakwa mereka mewakili kaum Tamil, tetapi mereka hanya berbuat demikian melalui senjata api ... mereka tidak pernah diuji dari segi sokongan melalui undi," katanya.

Kadirgamar juga berkata dalam menangani konflik itu, Sri Lanka boleh belajar dari Malaysia, negara yang beliau jadikan contoh untuk pembangunan Sri Lanka sejak menjadi Menteri Luar.

Mengulas mengenai dasar "Pandang ke Malaysia" beliau, katanya Malaysia dan Sri Lanka mempunyai banyak persamaan seperti saiz penduduk, geografi dan iklim, selain daripada menjalin hubungan rapat untuk berdekad-dekad lamaya.

" Rakyat Sri Lanka amat berbangga dengan kejayaan ekonomi Malaysia. Malaysia sebuah negara membangun yang pada tahun 60-an ketinggalan oleh Sri Lanka tetapi pada hari ini, lihat sahaja betapa ianya telah menjadi begitu maju.

" Kami merasakan bahawa pengalaman Malaysia ini boleh dijadikan contoh bagi Sri Lanka memandangkan kita mempunyai banyak persamaan. Malaysia juga pernah menghadapi konflik perkauman dalam tahun 60-an tetapi kini sudah diatasi," katanya.

Kadirgamar, yang telah berjumpa dengan Dr Mahathir beberapa kali baik di Kuala Lumpu atau seberang laut, mengakui beliau mengkagumi Perdana Menteri Malaysia itu, yang beliau sifatkan sebagai seorang "pemimpin yang tegas dan amat menarik". -- Bernama.

AU AHH